



**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	SUNGAI LINGGI TERCEMAR : 37,000 PENGGUNA DI PORT DICKSON, SEREMBAN TERJEJAS
	SUMBER	BH ONLINE (6 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Sungai Linggi tercemar: 37,000 pengguna di Port Dickson, Seremban terjejas

Oleh [Mohd Amin Jalil](#) - Mei 6, 2024 @ 5:12pm
bhnews@bh.com.my

SEREMBAN: Pemberhentian operasi Loji Rawatan Air (LRA) Linggi, Port Dickson susulan air seakan minyak memasuki Sungai Linggi memberi kesan kepada 37,000 pengguna di Port Dickson dan sebahagian di daerah ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) sudah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu pengguna terjejas termasuk menyediakan 12 tangki statik di beberapa lokasi utama dikenal pasti.

Selain itu, katanya, menggunakan lori tangki air milik SAINS menghantar bekalan air ke kawasan terjejas dan mendapatkan lori tambahan daripada operator air lain bagi menambah penghantaran bekalan.

"Kesan daripada pelepasan cecair seakan minyak ini ke dalam Sungai Linggi menyebabkan LRA Linggi terpaksa memberhentikan proses rawatan air mentah.

"Ini kerana kerana telah mengesan kehadiran cecair menerusi ujian bau yang mencatatkan rekod 11 ton pada jam 9.20 pagi dengan rekod bacaan tertinggi mencecah 21 ton pada jam 10.30 pagi semalam.

"Namun begitu, bacaan kadar bau semakin menurun pada jam 4.30 pagi hari ini dan kemudian menurun lagi kepada dua ton.

"Sumber air mentah kembali pulih dan LRA Linggi telah memulakan semula operasi sekitar jam 1.30 tengahari hari ini," katanya di sini, hari ini.

Aminuddin yang juga Pengerusi SAINS berkata, kerajaan negeri amat komited dan tidak akan berkompromi ke atas mana-mana individu atau organisasi yang didapati melakukan kesalahan mencemarkan sumber air mentah di Negeri Sembilan.

"Tindakan tegas akan dikenakan sama ada dalam bentuk kompaun, denda atau penjara selaras dengan perundangan bagi kesalahan ini," katanya.

Pada Sabtu lalu jam 7.30 malam, Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan (BKSANS) dilaporkan menerima aduan berkenaan pencemaran air seakan minyak yang memasuki Sungai Linggi di sekitar kawasan Jalan Pantai, Seremban.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata operasi bersama di antara BKSANS dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan mengenalpasti satu premis bengkel lori yang disyaki suspek dalam kes pelepasan cecair minyak ke dalam Sungai Linggi.

Katanya, proses persampelan air dibuat oleh agensi kerajaan berkaitan bagi tujuan siasatan dan tindakan perundangan.

2.	TAJUK	PERUBAHAN MONSON, BILANGAN HARI TANPA HUJAN DIJANGKA MENINGKAT
	SUMBER	HM ONLINE (9 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Perubahan monsun, bilangan hari tanpa hujan dijangka meningkat

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Fasa Monsun Barat Daya yang bermula pertengahan bulan ini hingga September dijangka menyebabkan ribut petir dan hujan lebat berkurangan dan kebanyakan negeri akan mengalami lebih banyak bilangan hari tanpa hujan.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, kesan fenomena El Niño yang mencapai kemuncaknya pada Disember lalu memberi kesan kepada keadaan cuaca negara, menyebabkan berlakunya gelombang haba serta cuaca panas dan kering di kawasan-kawasan tertentu.

"Saya mengambil maklum mengenai status terkini cuaca panas di empat kawasan di Kelantan berada pada Tahap 2 Gelombang Haba iaitu suhu maksimum harian melebihi 37 darjah Celsius hingga 40 darjah Celsius, sekurang-kurangnya selama tiga hari berturut-turut.

"Tahun ini juga negara menyaksikan dua kematian membabitkan strok haba iaitu seorang lelaki berusia 22 tahun di Pahang pada Februari lalu dan seorang kanak-kanak berusia tiga tahun di Kelantan pada bulan lalu.

"Justeru, orang ramai dinasihatkan untuk berjaga-jaga dan sentiasa peka terhadap keadaan cuaca dan kualiti udara melalui aplikasi myCuaca, MyIPU dan laman web rasmi MET Malaysia serta portal Air Pollutant Index Management System (APIMS)," katanya dalam kenyataan.

Beliau juga menasihati orang ramai agar tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka seperti membakar sampah sarap, daun kering, sisa tanaman kebun dalam tempoh ini, dan sebarang aduan mengenainya boleh disalur kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di talian 999 dan hotline Jabatan Alam Sekitar 1-800-88-2727.

Aduan juga boleh disalur ke emel aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my> atau melalui talian 03-88712333.

Dalam pada itu Nik Nazmi berkata, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan (JIJCKK) kali kedua akan diadakan secepat mungkin bagi membincangkan situasi cuaca panas dan kering semasa serta mengatur strategi berkaitan bersama semua kementerian, jabatan dan agensi terbabit.

Disiarkan pada: Mei 9, 2024 @ 12:26am

3.	TAJUK	PERLU ADA PENILAIAN RISIKO TANAM POKOK HIASAN DI BANDAR
	SUMBER	BH ONLINE (9 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Perlu ada penilaian risiko tanam pokok hiasan di bandar

Mei 9, 2024 @ 8:36am



Insiden pokok tumbang yang meragut nyawa serta menyebabkan kerosakan harta benda di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk di Jalan Sultan Ismail di ibu negara kelmarin bukan perkara baharu.

Sudah banyak kes pokok di kawasan bandar terutama yang berusia tumbang menghempap, mencederakan dan mengorbankan nyawa manusia serta menimpa kenderaan, rumah atau fasiliti awam berlaku namun apakah pengajaran boleh diambil PBT.

Sukar untuk menafikan, pokok berusia di kawasan bandar bukan saja mewujudkan landskap dan persekitaran hijau yang cantik, bahkan menjadi sumber keseimbangan ekosistem kawasan sekitarnya.

Namun pada masa sama, pokok berusia ini juga boleh menjadi perangkap maut kepada manusia jika tidak dijaga, dipantau dan diperiksa secara berkala oleh PBT atau agensi lain termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Memang benar, kejadian pokok berusia tumbang atau bencana alam sukar dijangka atau diramal namun ia mungkin boleh dielak atau dikurangkan risiko bahayanya menerusi pemeriksaan serta penyelenggaraan berkala.

Tugas ini dilakukan unit khas seperti unit pembangunan dan pengurusan landskap khusus setiap agensi dan PBT diketuai arkitek atau pakar landskap, berperanan menyelenggara kawasan landskap di bawah bidang kuasa mereka dengan berkesan, termasuk menyelia tahap keadaan serta jangka hayat pokok.

Unit ini juga perlu mempunyai bidang kuasa khusus seperti meneliti kesesuaian pemilihan pokok untuk ditanam di sesuatu kawasan terutama di dalam bandar sama ada ia menjadi lokasi tumpuan awam, pusat komersial atau zon penampungan hujan.

PBT atau agensi terbabit perlu mempunyai garis panduan, spesifikasi cara penanaman, penyelenggaraan yang baik dan berkala bertujuan meminimumkan risiko pokok tumbang apabila sudah mencecah usia puluhan atau ratusan tahun.

Setiap keputusan untuk memilih pokok bersesuaian atau di mana hendak ditanam perlu mengambil kira aspek keselamatan jangka pendek dan panjang, kesesuaian ruang, ekologi setempat, kekuatan fizikal, spesies pokok dan daya tahannya terhadap ancaman cuaca.

Tidak ada gunanya jika pokok yang ditanam itu hanya memiliki nilai estetika, cantik dan menawan dari sudut landskap tetapi dalam jangka panjang mampu menjadi 'pembunuh senyap' apabila mencapai usia tua. Penilaian risiko perlu dilakukan secara berkala apabila pokok semakin tua.

Mungkin ada spesies pokok memiliki kecantikan dan keindahan yang hanya sesuai ditanam di kawasan peranginan, sekitar tasik atau tempat riadah serta taman permainan tetapi tidak sesuai di tengah pusat bandar.

Atas faktor ini, pakar botani, seni landskap, jurutera, perancang bandar dan pemaju hartanah perlu mengambil berat soal keselamatan jangka pendek dan panjang berkaitan pokok hiasan hendak ditanam sebelum memutuskan kelulusan sesuatu projek landskap dan keindahan dalam bandar serta perumahan.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**